



SIARAN AKHBAR

## **PASAR BESAR SITI KHADIJAH SASAR PENERIMAGUNAAN MELUAS E-PEMBAYARAN**

**KOTA BHARU, 6 Mac 2022** – Pelancaran Program Transformasi Digital Pasar Besar Siti Khadijah yang diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada hari ini merupakan hasil usaha sama sektor Kerajaan dan swasta, antaranya MyDIGITAL Corporation (MyDIGITAL), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Negara Malaysia (BNM), Kerajaan Negeri Kelantan, dan Persatuan Peniaga-Peniaga Kecil Bumiputera Pasar Besar Siti Khadijah.

Program ini bertujuan untuk merealisasikan aspirasi Malaysia ke arah mewujudkan masyarakat tanpa tunai menerusi penggunaan kaedah pembayaran elektronik atau e-pembayaran bagi kemudahan peniaga dan pengunjung di pasar tersebut.

Majlis Pelancaran Program Transformasi Digital Pasar Besar Siti Khadijah ini telah dirasmikan oleh Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan dihadiri oleh Dato' Haji Hanifa Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan Negeri Kelantan dan Encik Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan BIMB.

Salah satu daripada inisiatif MyDIGITAL adalah untuk bekerjasama dengan pelbagai agensi bagi mempromosikan program *onboarding* pembayaran elektronik bagi peniaga dan pengguna untuk mengadakan masyarakat tanpa tunai (*cashless society*). Persekitaran tanpa tunai dapat mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada wang tunai, dan seterusnya memperluaskan penggunaan pembayaran elektronik yang dilihat sebagai lebih efisien dan selamat. Ini adalah sejajar dengan teras-teras utama Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia seperti meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan, mewujudkan masyarakat digital yang inklusif dan membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika.

Negara-negara di rantau Asia Tenggara kini sedang berada pada puncak fasa revolusi kewangan di mana kira-kira 49% daripada penduduk bandar telah pun mengaplikasikan perkhidmatan e-dompet, dan jumlah ini diunjur akan mencecah 84% menjelang 2025. Di Malaysia, penggunaan e-dompet telah meningkat sebanyak 131% kepada melebihi 600 juta transaksi pada tahun 2020, berbanding tahun sebelumnya.<sup>i</sup>

Penggunaan perkhidmatan e-pembayaran di Malaysia meningkat dengan ketara di mana jumlah transaksi e-pembayaran mencatat pertumbuhan sebanyak 14% kepada 5.5 bilion transaksi pada 2020. Secara purata, setiap rakyat Malaysia melakukan 170 transaksi e-pembayaran pada 2020, meningkat daripada 150 transaksi pada tahun 2019<sup>ii</sup>.

Dato' Sri Mustapa Mohamed berkata, "Sebagai kayu pengukur, statistik Bank Islam Malaysia Berhad menunjukkan penerimaan perniagaan di Kelantan terhadap kaedah pembayaran tanpa tunai kini semakin baik. Jumlah perniagaan baru kaedah pembayaran tanpa tunai telah meningkat sebanyak 7.7% pada tahun 2021 kepada 558, berbanding dengan tahun 2020, manakala transaksi perbankan Internet juga telah meningkat sebanyak 7.2% kepada 550 bagi tempoh masa yang sama."

"Program Transformasi Digital Pasar Besar Siti Khadijah telah berjaya mencapai 80% (320) daripada sasaran matlamatnya iaitu menggalakkan peniaga untuk menyediakan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai. Ini menggambarkan pencapaian dan kemajuan usaha-usaha sektor awam dan swasta dalam membangunkan budaya yang berfokus kepada transformasi digital."

Program Transformasi Digital Pasar Besar Siti Khadijah ini menyaksikan kerjasama strategik oleh Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Negara Malaysia Kuala Terengganu, Kerajaan Negeri Kelantan, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam, MyDIGITAL Corporation, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Payment Network Malaysia (PayNet), RedONE, Telekom Malaysia Berhad (TM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Agensi

Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Kelantan ICT Gateway serta Persatuan Peniaga Pasar Siti Khadijah.

MyDIGITAL berharap usaha berterusan dapat terus dilaksanakan ke semua negeri termasuklah di pasar-pasar komuniti agar pusat tumpuan pelancong sebegini akan terus berdaya saing dan membudayakan kaedah pembayaran tanpa tunai dalam perniagaan mereka.

**TAMAT**

---

<sup>i</sup> Sumber: <https://www.bcg.com/publications/2020/southeast-asian-consumers-digital-payment-revolutions>

<sup>ii</sup> Sumber: BNM Annual Report 2020